

DALAM kehidupan seharian, kita terlalu biasa bercakap tentang masalah. Mesyuarat demi mesyuarat diadakan, perbincangan berpanjangan berlangsung, suara ditinggikan, hujah diulang-ulang, namun masalah yang sama terus berlegar tanpa penyelesaian yang jelas.

Kita bercakap tentang masalah seolah-olah dengan percakapan itu mampu menyelesaikan segalanya.

Hakikatnya, banyak masalah gagal diselesaikan bukan kerana kita kekurangan idea penyelesaian, tetapi kebanyakan masalah gagal difahami secara mendalam. Hal ini disebabkan kita hanya bercakap tanpa melakar atau melukis masalah kita.

Masalah yang tidak difahami secara mendalam akan sentiasa kelihatan rumit. Apabila minda kita keliru, bahasa percakapan kita akan menjadi panjang dan berbelit. Disinilah kesilapan besar sering berlaku.

Kita menyangka masalah boleh diselesaikan dengan percakapan yang panjang dan berjela, sedangkan apa yang diperlukan ialah kejelasan kepada masalah tersebut.

Berdasarkan banyak kajian, kejelasan kepada sesuatu masalah hanya boleh dirungkai dengan menggunakan lakaran visual. Dalam erti kata lain lukislah masalah kita untuk mendapat kefahaman yang mendalam kepada sesuatu masalah.

“Melukis masalah” bukan bermaksud menghasilkan lukisan yang cantik. Ia bukan soal bakat seni yang memerlukan kemahiran menghasilkan garisan berkualiti atau bayang-bayang kepada sesuatu lukisan.

Melukis masalah ialah satu proses berfikir menggunakan minda (kognitif) dan tangan (psikomotor). Apabila sesuatu masalah dilakar di atas kertas, minda kita dipaksa untuk menyusun, membezakan, mengasingkan dan menghubungkan maklumat dengan cekap.

Proses ini menjadikan masalah yang kabur lebih mudah difahami dan dilihat secara jelas.


Ramai tidak sedar bahawa minda kita berfikir secara visual. Sejak kecil, kita memahami dunia melalui bentuk, arah, pergerakan dan hubungan ruang.

Namun, apabila dewasa, visual bukan menjadi kemahiran utama apabila kita berkomunikasi. Teks dan lisan menjadi kemahiran utama kita sehingga kini. Akhirnya, kebanyakan daripada kita amat



BERCAKAP sambil melakar atau melukis akan memberi peluang kepada pasukan dalam organisasi untuk memahami secara mendalam tentang sesuatu idea

Berhenti bercakap, lukis masalah



APABILA kita ingin berucap untuk menyatakan masalah kompleks pastikan disertakan dengan lakaran visual.

cekap bercakap panjang lebar dan menulis teks.

Akibatnya, kemampuan untuk menjelaskan sesuatu idea melalui lakaran menjadi pudar. Lebih malang, kemahiran ini langsung tidak dipedulikan oleh majoriti

masyarakat kita.

Apabila seseorang diminta melukis masalah yang sedang dihadapi, perkara pertama yang berlaku ialah situasi “senyap” kepada individu tersebut. Bukan kerana tiada idea tetapi kerana minda mula bekerja

secara optima dengan lebih jujur. Banyak soalan penting mula muncul dalam minda.

Apakah sebenarnya masalah utama? Bahagian mana paling kritikal? Siapa yang terlibat? Di mana titik konflik? Macam mana aku nak mulakan lakaran

ini? Semua soalan ini perlu dijawab dalam bentuk visual.

Lakaran memaksa kita berhenti bercakap dan mula berfikir. Setiap garisan yang dilukis mewakili satu keputusan. Setiap simbol yang digunakan membawa makna. Tanpa sedar, kita sedang menyusun logik masalah di hadapan mata kita dan orang lain juga. Inilah kelebihan utama visual berbanding percakapan.

Visual tidak membenarkan kita berbohong atau mengubah fakta kepada diri sendiri dan orang lain. Apa yang tidak jelas dalam sesuatu masalah akan kelihatan tidak jelas di atas kertas.

Dalam konteks pendidikan, ramai pelajar gagal bukan kerana mereka tidak pandai, tetapi kerana mereka tidak tahu bagaimana hendak menzahirkan masalah yang mereka hadapi.

Soalan matematik, sains atau soalan kehidupan seharian sering kelihatan sukar kerana ia hanya dibaca dan bukan dilihat (lakar atau lukis).

Apabila pelajar dilatih melukis masalah, sudah pasti mereka akan mula memahami